EDISI JAN - JUN 2023

MITASA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Suara MITASA

50 Tahun MITASA Terus Melangkah

- Ulang Tahun ke 50 dan EGM MITASA
- Program Kayuhan Santai Merdeka
- Merdeka Hari Tua bersama KWSP
- Kejohanan Bowling Hari Akademia
- NR-Mitasa Foodbank bantu pelajar dan kakitangan

Kunjungan hormat Pengerusi Majlis Presiden Persatuan Akademik (MPPA) ke atas Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Haji Mohamed Khaled Nordin. Kunjungan ini bertujuan untuk menerangkan keadaan semasa dan hala tuju MPPA serta pandangan terhadap perjalanan universiti awam negara. Pelbagai perkara telah dibincangkan bagi memperkukuh dan memantapkan pengurusan universiti awam.

Kunjungan hormat MITASA ke atas Pengerusi Lembaga Pengurusan Universiti (LPU), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Professor Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Ros yang diketuai oleh Presiden MITASA, Encik Ahmad Faisal Mohamed Fiah dan Exco-Exco MITASA.

Exco-exco MITASA yang diketuai Presiden, Ahmad Faisal Mohamed Fiah dijemput menyertai Konvensyen Akademik Kebangsaan Universiti Awam Malaysia 2022 di Universiti Putra Malaysia (UPM), disini.

Presiden MITASA, Ahmad Faisal Mohamed Fiah menyampaikan cenderamata kepada Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr Ibrahim Shah Abu Shah yang telah melengkapkan tanggungjawab selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Mara (UiTM).

MITASA turut menyampaikan sumbangan RM1,000 sempena Majlis Khatam Al-Quran 2023 dan Penyampaian Bantuan Bakul Syawal yang bertempat di Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM pada Ramadan lalu.

Presiden MITASA, Ahmad Faisal Mohamed Fiah berpeluang menjenguk penyelaras MITASA Cawangan Pulau Pinang, Encik Bakri Ali yang berada dalam keuzuran semasa menghadiri salah satu program di UiTM cawangan berkenaan.

Exco-exco MITASA akan mengadakan mesyuarat setiap bulan bagi membincangkan pelbagai isu bagi menjaga kebajikan ahli dan sebagainya.

Exco dan penyelaras MITASA juga diantara peserta yang menyertai Bengkel Task-Force Pindaan Akta UiTM 1976 (Akta 173) Siri Kedua di Hotel UiTM Januari lalu.